



**LEMBAGA PERTUBUHAN PELADANG
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI MALAYSIA**

Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP) adalah sebuah badan berkanun di bawah Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani Malaysia yang bertanggungjawab memajukan pergerakan Pertubuhan Peladang di seluruh negara mempelawa warganegara Malaysia yang berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan serta berkelayakan dan bermotivasi tinggi untuk mengisi jawatan-jawatan berikut:

'JAWATAN KOSONG'

PEMANDU KENDERAAN

1.	(A)	Jawatan/Skim Perkhidmatan	:	Pemandu Kenderaan	
	(B)	Gred Jawatan	:	H11	
	(C)	Klasifikasi Perkhidmatan	:	Kemahiran	
	(D)	Kumpulan Perkhidmatan	:	Pelaksana	
	(E)	Taraf Jawatan	:	Tetap	
	(F)	Jadual Gaji	:	Minimum	- RM 1,218.00
				Maksimum	- RM 2,939.00

Bidang Tugas

Bertanggungjawab melaksanakan skop tugas pemanduan kenderaan yang memerlukan lesen memandu daripada Jabatan Pengangkutan Jalan serta menjaga kenderaan/jentera di bawah kelolaannya supaya sentiasa berada dalam keadaan bersih dan selamat untuk setiap perjalanan. Antara kenderaan/jentera yang diliputi oleh skim perkhidmatan ini ialah kereta, van, kenderaan ringan pacuan empat roda, bas, lori dan traktor pertanian.

Syarat-syarat Lantikan

1. Calon lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut :-
 - (a) Warganegara Malaysia.
 - (b) Berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;
 - (c) (i) Pentaksiran Tingkatan Tiga/Penilaian Menengah Rendah atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan;

- (ii) Lesen memandu Kelas D/E/E1/E2/F/G/H/I yang dikeluarkan oleh Jabatan Pengangkutan Jalan [kecuali lesen memandu dalam tempoh percubaan (P)]; dan
- (iii) Berkebolehan memandu, mengendali dan menyenggara kenderaan berkenaan yang diliputi oleh skim perkhidmatan ini.

Gajii permulaan Gred H11 ditetapkan mengikut Kelas Lesen Memandu:

Lesen D	-	RM1,264.15
Lesen E/E1/E2	-	RM1,310.30
Lesen F/H	-	RM1,356.45
Lesen G/I	-	RM1,402.60

Syarat Kelayakan Bahasa Melayu

2. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Pentaksiran Tingkatan Tiga/Penilaian Menengah Rendah atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.